

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUATKUASA

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Penguatkuasa Gred KP41, KP44, KP48, KP52, KP54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Pengangkutan Jalan/Agensi Kerajaan. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) serta Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan, mengurus, memantau, mengkaji segala aktiviti penguatkuasaan operasi, pendakwaan dan siasatan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.2 Pegawai Penguatkuasa Gred KP41

- a. Mengetuai Cawangan JPJ/ Unit Operasi/Aduan dan Siasatan/ Pendakwaan.
- b. Membantu merancang dan mengatur tugas-tugas dan rekod-rekod di Cawangan JPJ/ Unit Operasi/Aduan dan Siasatan/ Pendakwaan.
- c. Membantu dan menyelia perkhidmatan kaunter dan pertanyaan daripada orang awam dan agensi kerajaan berhubungandengan pendakwaan/ operasi/ aduan dan siasatan.
- d. Membantu pengarah negeri/bahagian menyelia pentadbiran sumber manusia.
- e. Bertanggungjawab untuk menyediakan laporan, memanggil dan mempengerusikan mesyuarat bahagian dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat bagi pihak jabatan.
- f. Menyemak, menganalisa dan mengesahkan laporan KPI dan perangkaan kes-kes pendakwaan/operasi/aduan dan siasatan setiap bulan untuk dikemukakan dalam mesyuarat pengurusan

ibu pejabat dan mesyuarat Bahagian Penguatkuasa JPJ Malaysia.

- g. Membantu pengarah merancang, menyimpan, menyelenggara, menyelia menyediakan segala tugas-tugas dokumentasi berkaitan pendakwaan/ siasatan dan peralatan penguatkuasaan/ kenderaan penguatkuasa.
- h. Menyediakan kertas kerja dan laporan berkaitan pendakwaan/ operasi/ aduan dan siasatan.

4.2 Pegawai Penguatkuasa Gred N44, N48, N52, N54

- a. Mengetuai unit operasi/ pendakwaan.
- b. Membantu Pengarah Negeri/Bahagian dalam tugas-tugas pengurusan sumber manusia di Unit Operasi/ Pendakwaan/ aduan dan siasatan.
- c. Memantau dan menyelia semua kes pendakwaan/operasi/ aduan dan siasatan.
- d. Memantau tugas-tugas perkhidmatan kaunter dan pertanyaan daripada orang awam dan agensi kerajaan berhubungandengan pendakwaan/ operasi/ aduan dan siasatan.
- e. Mengadakan perbincangan dengan PUU Jabatan/ Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapat keputusan/ nasihat berkaitan kes pendakwaan/ operasi/ aduan dan siasatan.
- f. Menyemak, menganalisa dan mengesahkan laporan KPI dan perangkaan kes-kes pendakwaan/ operasi/ aduan dan siasatan setiap bulan untuk dikemukakan mesyuarat pengurusan ibu pejabat dan mesyuarat Bahagian Penguatkuasa JPJ Malaysia.
- g. Bertanggungjawab untuk menyediakan laporan, memanggil dan mempengerusikan mesyuarat bahagian dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat bagi pihak jabatan.
- h. Menyediakan kertas kerja dan laporan berkaitan pendakwaan/ operasi/aduan dan siasatan.
- i. Menyediakan kertas cadangan pindaan undang-undang berkaitan di Bahagian Penguatkuasa.
- j. Membantu pengarah merancang, mengurus, menyimpan, menyelenggara, menyelia, menyediakan segala tugas-tugas dokumentasi berkaitan pendakwaan/ siasatan dan peralatan penguatkuasaan/kenderaan penguatkuasa.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Jabatan/Agensi kerajaan.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b. Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- c. Bekas Penolong Penguasa PDRM atau Kapten ATM yang setaraf dengannya dan telah disahkan di jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
- d. Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- e. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- h. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
- i. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesionalisme.
- d. Kebebasan, adil dan saksama.
- e. Kualiti.
- f. Kerahsiaan.
- g. Kompetensi dan ketelitian.
- h. Disiplin diri.
- i. Kejujuran.
- j. Intelektual.

9. ANCAMAN BAHAYA

- a. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- b. Risiko terdedah kepada peluang penyelewengan.
- c. Tekanan.

Sumber : Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.